

22 JUL 1997

Mahathir-Rasuah

RASUAH -- MAHATHIR KATA TIDAK ADA PEMBURUAN AKAN DIBUAT

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan tidak akan melancarkan buru cari (witch hunt) dalam usaha memerangi rasuah tetapi akan menjalankan "pembersihan" sekiranya perlu.

"Sekiranya ia perlu dibersihkan, kita akan bersihkan," katanya.

Perdana Menteri berkata pembersihan hanya akan dilakukan sekiranya terdapat bukti kesalahan.

"Tetapi, kita tidak akan melancarkan buru cari seperti yang dimahukan oleh pembangkang," katanya pada satu sidang berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dekat di sini sekembalinya dari percutian selama dua bulan di luar negara.

Dr Mahathir bagaimanapun memberi jaminan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah.

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai deklarasi 16 perkara yang dirumuskan oleh mesyuarat pelbagai pihak "Muafakat Memerangi Rasuah" yang diadakan di sini Sabtu lepas untuk mencari penyelesaian terhadap gejala rasuah.

Deklarasi bersama itu, antara lain, menggesa kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa eksekutif untuk menyemak kes-kes rasuah yang masih belum di bawa ke mahkamah.

Kerajaan juga diminta memastikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) diberi kuasa mengarahkan mereka yang disyakki terlibat dengan rasuah mengisytiharkan harta.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengambil tindakan membanteras amalan rasuah lama sebelum desakan pihak pembangkang.

"Sudah ada tindakan yang dibuat lama sebelum mereka mendesaknya. Sudah tentu mereka bercakap mengenai rasuah sepanjang masa.

"Tetapi, kita bertindak kerana kita dapati perlu untuk bertindak selepas mendapat cukup bukti," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata tidak perlu perkara itu dijadikan isu politik seperti yang dimahukan oleh pembangkang.

"Kadang kala masalah dengan pembangkang ini ialah mereka mencari peluang untuk menjadi popular dan bukan untuk berbuat baik. Dalam lain perkataan mereka mahu mempolitikkan isu itu," katanya.

"Kita bukan hendak mempolitikkan apa-apa. Kita sedang cuba untuk melakukan sesuatu yang sangat baik," kata Perdana Menteri.

Oleh itu, tambahnya, tidak perlu untuk mengadakan mesyuarat awam atau demonstrasi mengenai rasuah.

Kata beliau apa yang diperlukan ialah "menangani masalah itu dengan bersungguh". -- BERNAMA

ES AZZ WAT